

03 MAY 1996

Mahathir-calon

MAHATHIR MINTA CALON PEMILIHAN UMNO ELAK KEMPEN AWAL

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu calon-calon yang ingin bertanding bagi jawatan parti pada pemilihan Umno Oktober ini supaya tidak membuat sebarang kenyataan akhbar atau membawa rombongan ketika membuat pendaftaran.

Katanya, sebarang kenyataan buat masa sekarang tidak patut dibuat kerana masa yang cukup ada diberikan untuk mereka berkempen.

"Tak payahlah adakan kenyataan akhbar bagi publisiti atau penerangan...daftar sahaja cukuplah," kata Presiden Umno itu.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya mengenai adanya calon-calon yang bertanding terutamanya bagi perebutan jawatan dalam Pergerakan Wanita Umno membuat serangan peribadi terhadap lawan masing-masing.

Presiden Umno itu berkata mesyuarat Majlis Tertinggi parti esok akan membincangkan perkara itu terutama bagi menjelaskan garis panduan berhubung dengan kempen bagi pemilihan parti.

Dr Mahathir berkata mungkin ramai calon belum begitu jelas dengan perkara itu dan membuat kenyataan bagi mengumumkan diri sebagai calon.

"Sebenarnya pendaftaran sebagai calon mudah sahaja...hanya tandatangan dan submit borang...tak payah bawa rombongan pun".

Mengenai pendirian Umno terhadap kemungkinan bekerjasama dengan mana-mana parti di Kelantan berikutan pergolakan politik di negeri itu, Perdana Menteri berkata Umno berpendirian terbuka dalam hal berkenaan.

"Bagaimanapun apakah bentuk sikap yang akan kita ambil akan ditentukan sehingga saya berjumpa dengan semua pemimpin Umno Kelantan esok,"-- LAGI.

Dr Mahathir berkata Umno berfikiran terbuka kerana terdapat banyak alternatif boleh diambil termasuk bergabung dengan mana-mana parti atau kita mengambil sikap berkecuali.

Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan calon daripada MIC untuk bertanding pada pilihan raya kecil kawasan dewan undangan negeri Bukit Asahan yang akan diadakan tidak lama lagi.

Kerusi berkenaan kosong selepas kematian wakilnya Datuk N. Arunasalam dalam kemalangan jalan raya di Petaling Jaya minggu lepas.

Dr Mahathir berkata kerusi itu telah diberikan kepada MIC untuk ditandingi sebelum ini kerana mereka sebagai rakan dalam komponen BN perlu diberikan tempat.

Beliau berkata walaupun kaum India merupakan kumpulan kecil di kawasan itu tetapi telah menjadi dasar BN untuk memberikan tempat kepada semua rakan supaya tidak kelihatan seolah-olah mahu membolot.--Bernama

MOZ AH OBA.